

Jika Anda Dirogol:

- 1) Pergi ke tempat yang selamat secepat mungkin.
- 2) Simpan semua bukti fizikal. Jangan tukar pakaian, mandi atau bersihkan diri.
- 3) Melaporkan pada polis.
- 4) Dapatkan pemeriksaan doktor secepat mungkin.
- 5) Menghubungi rakan terdekat atau kounselor. Rakan anda juga boleh temankan anda ke balai polis. Kounselor boleh dihubungi 24 jam setiap hari di-talian:

1-(877)-234-5050 TALIAN BEBAS

Mangsa Rogol

Apabila anda ingin menghulurkan bantuan kepada mangsa rogol atau penderaan seksual, janganlah anda bersangka buruk terhadap mereka. Mereka memerlukan seorang pendengar yang baik untuk membantu mereka mengatasi trauma yang mereka lalui. Anda boleh memberi kata-kata sokongan kepada mereka seperti berikut:

- 1) Syukurlah anda masih hidup.
- 2) Ini bukan kesilapan anda.
- 3) Saya berasa simpati terhadap apa yang berlaku.
- 4) Sudahkah anda mendapatkan rawatan?

IMPORTANT NUMBERS

Mount Nittany Medical Center
234-6110

Philipsburg Area Hospital
342-7112


Emergency Transportation
911

University Health Services
865-6556

Center for Women Students
863-2027

Police and Emergency
911

MidPenn Legal Services
238-4958



PENDERAAN SEKSUAL



Centre County Women's Resource Center

140 West Nittany Avenue
State College, PA 16801
(814) 234-5222
Bellefonte: (814) 355-6477

**24 HOUR HOTLINES
234-5050
1-877-234-5050 Toll-Free**

**SAFE-PROFESSIONAL-CONFIDENTIAL-
FREE**

FAKTA TENTANG PENDERAAN SEKSUAL

Penderaan seksual adalah satu jenayah yang menjadikan seks sebagai senjata. Ia didorong oleh satu kemahuan untuk menguasai seseorang dengan sepenuhnya. Ia menyebabkan mangsa cedera atau menyebabkan kematian.

- Kes rogol adalah kes yang paling berlaku di U.S. secara puratanya sebanyak 10% kes yang dilaporkan.
- 1/4 perempuan dan 1/10 lelaki pernah mengalami penderaan seksual seumur hidup mereka.
- 85% daripada kes penderaan seksual dilakukan oleh seseorang yang dikenali mangsa.
- Penderaan seksual mengakibatkan orang-orang yang terdekat dengan mangsa juga sengsara seperti ibu bapa, anak-anak, keluarga dan kawan-kawan. Penderaan seksual akan mengakibatkan mereka hidup dalam ketakutan.

ROGOL ADALAH SATU JENAYAH!

Rogol adalah persetubuhan yang dilakukan tanpa kerelaan. Persetubuhan melibatkan vagina, anal dan juga oral seks. Di Pennsylvania, rogol adalah kesalahan yang terberat. Kes raba adalah kesalahan kedua terberat. Penjenayah boleh dijatuhkan hukuman penjara 2-20 tahun, denda dan dibuang daerah.

Khidmat Penderaan Seksual di Centre County Women's Resource Center

Talian 24 Jam – Kounselor sedia membantu menyediakan khidmat kounseling dan mendengar luahan perasaan.

- **Kounseling** – Khidmat kounseling disediakan untuk semua mangsa penderaan seksual, ahli keluarga dan kawan-kawan.
- **Kumpulan sokongan** – Menyediakan tempat yang selamat untuk mangsa penderaan seksual berjumpa dan berkongsi pengalaman.
- **Khidmat nasihat** – Pertolongan disediakan kepada mangsa yang perlukan pemeriksaan kesihatan dan khidmat guaman.
- **Program kanak-kanak** – Khidmat nasihat dan kounseling disediakan kepada mangsa kanak-kanak.
- **Pendidikan untuk masyarakat** – Memberitahu orang ramai maklumat tentang penderaan seksual dan cara untuk mengelakkan menjadi mangsa penderaan seksual.



Penderaan Seksual Yang Boleh Dianggap Sebagai Rogol

Adalah apabila seseorang memaksa anda untuk melakukan aktiviti seksual tanpa kerelaan anda contohnya seperti mangsa diraba atau mangsa dipaksa untuk meraba pemangsa. Walaupun rogol melibatkan aktiviti seksual, ia sebenarnya bertujuan untuk mengawal mangsa agar mangsa berada dalam kawalan pemangsa. Pemangsa selalunya adalah seseorang yang dikenali seperti teman lelaki, kawan, jiran ataupun rakan sekerja.

Penggunaan Pil/Dadah Sebagai Umpatan Untuk Merogol

Walaupun kounselor berpendapat bahawa alkohol adalah umpatan yang sering diguna sebagai alat untuk merogol, kajian terbaru media mengatakan bahawa 3 jenis dadah yang sering digunakan adalah: gamma hydroxybutyrate (GHB, 'Cecair X'), flunitrazepam (Rohypol. 'Roofies') dan ketimine ('Special K atau Special Coke').

Symptom-symptom dirogol akibat dadah:

- Berasa pening dan mata berpinar-pinar secara tiba-tiba
- Berasa keliru, tidak dapat berfikir dan badan terasa lemah. Dadah jika dicampurkan ke dalam alcohol kesannya adalah sangat bahaya. Ianya boleh menyebabkan kematian jika mengambil dos yang berlebihan.

Kurangkan risiko dirogol dengan mengambil langkah berjaga-jaga seperti berikut:

*Jangan tinggalkan minuman anda tanpa diawasi
*Di kelab atau bar, hanya terima minuman yang dihulurkan oleh waiter/waitress sahaja
*Berjaga-jaga dengan tingkah laku kawan-kawan anda jika mereka berkelakuan agak aneh daripada biasa
*Jika anda berasa pening dan mata berpinar-pinar selepas minum air, anda berada dalam keadaan yang sangat bahaya.